

## KONSEP KECERDASAN

Pelbagai keupayaan seperti yang dibincangkan di dalam teori-teori berikut:

### 1. Louis Thurstone

Louis Thurstone (1938) mengatakan bahawa kecerdasan adalah gabungan daripada tujuh faktor yang dianggap sebagai keupayaan mental yang asas iaitu:

- i. Pemahaman lisan
- ii. Ingatan
- iii. Pemberi sebab
- iv. Keupayaan menggambarkan hubungan spatial
- v. Keupayaan nombor
- vi. Kefasihan bahasa
- vii. Tanggapan laju

### 2. Struktur Intelek Guilford

Struktur Intelek Guilford (1967) menerangkan kecerdasan bergantung kepada apa yang sedang difikirkan oleh seseorang, operasi mental dan hasil dari operasi-operasi ini. Model Struktur Intelek terdiri daripada pertindihan 3 dimensi kecerdasan iaitu 4 kawasan, 5 operasi kognitif dan 6 hasilan. Contohnya: Ingatan dalam kawasan simbolik diperlukan untuk menghasilkan nombor telefon yang hendak diingatkan.